



**SIARAN MEDIA  
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**PENUBUHAN JAWATANKUASA TINDAKAN DAN PEMANTAUAN  
PENCEMARAN SUMBER AIR**

**PUTRAJAYA**

**28 JANUARI 2020**

---

Beberapa insiden pencemaran sumber air di Negeri Selangor oleh mereka yang tidak bertanggungjawab telah menyebabkan loji rawatan air terpaksa dihentitugas. Ia sekaligus mendatangkan kesusahan kepada orang ramai yang terputus bekalan air.

Antara insiden yang telah berlaku ialah pencemaran bau hasil pembuangan sisa haram berupa bahan pelarut (*solvent*) ke dalam lurang kumbahan di Bandar Bukit Mahkota pada bulan Disember 2019 menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan LRA Bukit Tampoi dihentitugas. Ini mengakibatkan lebih 1.7 juta penduduk di sekitar Putrajaya, Petaling, Sepang, Hulu Langat dan Kuala Langat terputus bekalan air.

Pencemaran sumber air akibat tumpahan minyak diesel pula berlaku pada bulan Julai 2019 melibatkan Sungai Selangor. Insiden ini menyebabkan lebih sejuta pemegang akaun termasuk di Kuala Lumpur,

Petaling, Klang, Shah Alam dan Gombak terputus bekalan air. Sungai Selangor merupakan nadi utama sumber air mentah kepada LRA Rantau Panjang, LRA Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), LRA Sungai Selangor Fasa 2 (SSP2) dan LRA Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3). Keempat-empat LRA ini membekalkan bekalan air bersih kepada lebih 60% penduduk di Kuala Lumpur dan Selangor.

Siasatan mendapati terdapat unsur-unsur sabotaj oleh pihak-pihak tidak bertanggungjawab yang secara sengaja melepaskan sisa haram ke lurang kumbahan serta minyak diesel ke sungai-sungai utama di Selangor. Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli amat memandang serius perbuatan tidak bertanggungjawab ini memandangkan ia bukan sahaja menjelaskan kebajikan rakyat, malah memudaratkan ekonomi negara.

Bagi menangani perkara ini, suatu Jawatankuasa Tindakan dan Pemantauan Pencemaran Sumber Air yang dipengerusikan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli telah dibentuk. Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil dari Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Polis Diraja Malaysia, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara. Ia turut dianggotai oleh wakil Kerajaan Negeri dan badan kawal selia air negeri berkenaan (dalam konteks ini ialah negeri Selangor) serta Pihak Berkuasa Tempatan yang berkaitan. Di samping itu, syarikat pembetungan negara Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. dan operator air iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. serta wakil pihak industri

perkilangan turut menganggotai Jawatankuasa Tindakan dan Pemantauan Pencemaran Sumber Air ini.

Jawatankuasa ini berperanan menyelaras kerjasama antara agensi yang terlibat dalam melaksanakan penguatkuasaan selaras bidang kuasa masing-masing secara bersepada untuk memastikan kelestarian, keselamatan, perkongsian dan keseragaman dalam perancangan dan pengurusan air negara; mencadangkan penambahbaikan terhadap undang-undang dan prosedur sedia ada berhubung tindakan penguatkuasaan yang berkaitan; mengadakan pelan tindakan bagi melancarkan pengoperasian penguatkuasaan; menyelaras pelan komunikasi dan perkongsian maklumat antara Agensi Kerajaan yang berkenaan bagi isu pencemaran sumber air; dan mencadangkan kaedah dan mekanisme yang bersesuaian bagi membendung pencemaran sumber air.

Dalam mesyuarat pertama yang berlangsung pada hari ini, beberapa ketetapan telah diputuskan. Tindakan tegas akan diambil terhadap mana-mana pihak yang mencemarkan sumber bekalan air ini. Semua agensi penguatkuasa yang hadir pada hari ini telah memberikan komitmen mereka untuk memastikan tidak ada pihak yang terlepas dari muka pengadilan. Persetujuan juga telah dicapai supaya Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655) dipinda untuk memantapkan lagi aspek penguatkuasaan dan pindaan ini dijadualkan untuk dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat bulan Oktober 2020 kelak. Ini termasuklah kuasa menahan orang dan merampas kenderaan yang disyaki mencemarkan lurang kumbahan, serta menaikkan penalti bagi kesalahan pembuangan kumbahan dan sebagainya ke lurang kumbahan.

Pihak SPAN juga akan menguatkuasakan syarat-syarat bagi pengeluaran permit kepada kontraktor-kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja pembetungan yang merangkumi *vehicle monitoring system*.

Selain itu, syarikat pembetungan negara IWK dan operator air di Selangor iaitu Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. bersetuju untuk berkolaborasi sebagai satu langkah mitigasi bagi memastikan pengawasan dan pemantauan yang lebih efektif demi mengelakkan berulangnya pembuangan sisa haram ke dalam lurang kumbahan.

**KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI  
PUTRAJAYA**

**28 JANUARI 2020**